

**TEKS UCAPAN
PROFESOR DR. AHMAD TAUFEEK
ABDUL RAHMAN
REKTOR UiTM CAWANGAN SELANGOR**

**SEMPENA
TAKLIMAT PENGURUSAN TATATERTIB
PELAJAR UiTM CAWANGAN SELANGOR**

**12 OGOS 2025 | SELASA | 9.00 PAGI
DEWAN ANGERIK SARI
PLAZA SATELIT B
KAMPUS PUNCAK ALAM**

Terima kasih Pengacara Majlis

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAH RABBI ALAMIN
WASOLATU WASALAMU ALA ASYRAFIL
ANBIYAI WAL MURSALIN WA ALA ALIHI
WASOHBIHI AJMAIN**

YBrs. Profesor Madya Dr. Hartini Saripan
Penasihat Undang-Undang UiTM

YBrs. Profesor Dr. Norazmir Md Nor
Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar
UiTM Cawangan Selangor

YBrs. Cik Nor Azila binti Maharam
Penolong Pendaftar Kanan
Jabatan Undang-Undang UiTM

YBrs. Encik Shahrin Nordin

Ketua Pegawai Undang-Undang

Jabatan Undang-Undang

Barisan Pengurusan Eksekutif, Ketua-Ketua Jabatan, para pensyarah, tuan-tuan dan puan-puan serta para hadirin sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan
Salam UiTM di Hatiku.**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat berhimpun pada pagi ini bagi menjayakan **Taklimat Pengurusan Tatatertib Pelajar UiTM Cawangan Selangor.**

2. Setinggi-tinggi penghargaan saya rakamkan kepada penceramah jemputan, YBrs. Profesor Madya Dr. Hartini, Cik Nor Azila, dan Encik Shahrin, atas kesudian hadir ke UiTM Cawangan Selangor untuk berkongsi ilmu serta kepakaran dalam bidang undang-undang.
3. Syabas dan tahniah kepada Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) yang telah menganjurkan taklimat ini buat julung kalinya bagi tahun 2025.
4. Kepada tuan-tuan dan puan puan; terima kasih saya ucapkan atas kehadiran yang mencerminkan komitmen bersama kita dalam memupuk dan memelihara budaya disiplin serta integriti dalam kalangan warga universiti, khususnya para pelajar yang menjadi harapan masa depan.

5. Seperti yang kita semua maklum, pengurusan kes tatatertib pelajar bukan sahaja memerlukan keputusan yang tegas dan pemahaman mendalam terhadap proses serta peraturan, malah kelemahan dalam mematuhi prosedur boleh membawa implikasi besar termasuk risiko pelanggaran hak pelajar, ketidakadilan dalam prosiding, dan liabiliti undang-undang yang menjejaskan reputasi universiti.
6. Saya difahamkan taklimat ini diadakan bagi menyelaraskan pendekatan semua pihak sama ada dari HEP, fakulti, URHP atau Polis Bantuan supaya setiap kes disiplin dapat diurus dengan konsisten, telus, dan sentiasa berlandaskan peraturan yang sah.

Hadirin yang saya hormati,

7. Hari ini, kita bakal diberi pendedahan berkenaan aspek teknikal prosiding tatatertib, termasuk peranan;

- i. Jawatankuasa Tatatertib dalam memastikan keputusan dibuat berasaskan bukti yang kukuh dan sah;
- ii. kepentingan merekodkan setiap prosiding dengan tepat supaya semua langkah dapat disemak semula sekiranya berlaku rayuan;
- iii. serta pematuhan kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti dan peraturan dalaman UiTM bagi mengelakkan keputusan dibatalkan atas faktor teknikal.

8. Dalam mengendalikan kes tatatertib, kita perlu cakna terhadap beberapa prinsip penting, iaitu:

i. Keadilan dan ketelusan - setiap keputusan mestilah berdasarkan fakta dan bukti, bukan emosi atau andaian.

ii. Konsistensi dalam hukuman - pelanggaran yang sama perlu dikenakan tindakan setara tanpa mengira siapa pelakunya.

iii. Pengendalian mesyuarat atau perbicaraan tatatertib - yang perlu mengikut susunan yang ditetapkan, bermula dengan pembentangan kes, penjelasan saksi, pembelaan pelajar, sehingga pengeluaran keputusan.

iv. Kerjasama antara HEP, fakulti, URHP dan Polis Bantuan - yang perlu berkomunikasi dengan baik agar maklumat kes lengkap sebelum prosiding dijalankan.

v. Sikap profesional pegawai pengendali kes - yang perlu mengawal emosi, menjaga bahasa, dan memastikan suasana prosiding kondusif

9. Justeru, tinggi harapan saya agar taklimat hari ini bakal menyeragamkan pelaksanaan peraturan tatatertib, memperkukuh peranan jawatankuasa, meningkatkan kecekapan pengendalian kes, serta memperkasakan budaya disiplin dan akauntabiliti di UiTM Cawangan Selangor.

10. Semoga taklimat ini memberi manfaat besar dan dapat diaplikasikan dalam tugas harian demi memastikan pengurusan tatatertib pelajar berjalan lancar, berkesan, dan berintegriti.

11. Akhir kata, terima kasih saya ucapkan kepada jawatankuasa penganjur yang telah bertungkus-lumus menjayakan program ini.

Taklimat bermula dengan bicara,
Ilmu dikongsi penuh bermakna,
Amanah menjadi tonggak utama,
Disiplin dijaga, integriti terpelihara.

Sekian,

Wabillahi taufiq wal hidayah

**Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.**